



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG

---

## KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/18/2014

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **040102 Makanan dan Minuman (tin, botol dan bungkus) atau 040103 Makanan Bermasak (Islam)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAFETARIA KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG,  
JALAN UTAMA, 10460 PULAU PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

**Tarikh : 19 Februari 2014 (Rabu)**  
**Masa : 4.00 petang**  
**Tempat : Kafetaria Kompleks Masyarakat Penyayang,  
Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.**  
**Kehadiran : Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).**

3. Tuan/ Puan adalah diminta membawa bersama dokumen asal dan salinan yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut :

- i) **Cetakan Spesifikasi dari Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP);**
- ii) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; dan**
- iii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **20 Februari 2014 (Khamis)**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 27 Februari 2014 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, Jalan Penang, Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup (**28 Mei 2014**).

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

YB. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang

## SPESIFIKASI

1. Operasi Kafetaria hanya untuk pelanggan Kompleks Masyarakat Penyayang sahaja. Waktu operasi Kafetaria adalah seperti berikut:
  - a) Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi sehingga 5.00 petang)
  - b) Sabtu (8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari)
  - c) Ditutup pada Hari Ahad dan Hari Kelepasan Am.

(Kerajaan Negeri berhak meminda waktu operasi atau mengarahkan Penyewa membuka atau menutup Kafetaria pada bila-bila masa dengan notis bertulis dalam tempoh yang munasabah).

2. Penyewa Dewan Bosch, Bilik Mesyuarat, Bilik Seminar dan lain-lain kemudahan di Kompleks Masyarakat Penyayang dibenarkan membuat tempahan makanan kepada Katerer luar bagi membekalkan makanan tertakluk kepada Garis Panduan Tempahan Makanan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
3. Menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman untuk Anggota Perkhidmatan Awam, Agensi Swasta dan NGO khususnya yang terdapat di Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.
4. Menjaga keselamatan Kompleks Masyarakat Penyayang yang diletakkan berada dalam keadaan baik tanpa sebarang risiko kehilangan, kerosakan dan sebagainya.
5. Menjaga kebersihan persekitaran dan keseluruhan Kompleks Masyarakat Penyayang agar berada dalam keadaan bersih dan baik serta selamat.
6. Menyediakan makanan dan minuman yang berkhasiat serta halal dengan kadar harga yang berpatutan.
7. Menyediakan pekerja tempatan warganegara Malaysia yang mencukupi untuk tujuan memberikan perkhidmatan yang berkaitan.
8. Semua pekerja hendaklah diakui sihat oleh Pihak Perubatan yang berkaitan dan mempunyai sijil atau kad kesihatan untuk mengesahkannya. Perakuan tersebut hendaklah disimpan di Kafetaria Kompleks Masyarakat Penyayang sepanjang masa.
9. Semua pekerja kafetaria perlu mematuhi garis panduan penyediaan dan pengurusan makanan dan minuman yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
10. Menggunakan bekas bungkusan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri sahaja bagi tujuan pembungkusan makanan dan minuman. **(Polysterin tidak dibenarkan sama sekali).**
11. Menggunakan troli dan lif yang dibenarkan sahaja untuk tujuan menghantar makanan dan minuman.
12. Bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang terbaik serta bertanggungjawab memastikan semua makanan dan minuman yang dijual berada dalam keadaan bersih dan berkhasiat.

13. Pihak Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kesalahan, kerosakan, kehilangan, kematian dan lain-lain lagi seperti keracunan makanan dan lain-lainnya. Pihak penyebut harga adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas masalah ini sekiranya berlaku.
14. Kontrak Perkhidmatan ini dibuat untuk tempoh **Dua (2) tahun sahaja**.
15. Penyebut Harga diwajibkan untuk menyediakan kerusi dan meja kepada pelanggan sekiranya kerusi dan meja yang disediakan tidak mencukupi. Perkakasan seperti pinggan, mangkuk, gelas, cawan, sudu, garpu dan lain-lain perkakasan termasuk peralatan membungkus adalah menjadi kewajipan pihak penyebut harga.
16. Penyewa yang berjaya perlu mempamerkan tanda harga pada setiap masa.
17. Pihak pemilik premis iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan berhak meminda, memantau dan mengubah syarat-syarat perjanjian, kadar harga dan lain-lain keperluan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.
18. Penyewa Kafetaria bertanggungjawab menguruskan sendiri segala pembayaran kadar cukai, yuran, lesen, elektrik, air serta bayaran-bayaran lain yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang berkaitan.
19. Penyewa yang berjaya **WAJIB** membayar **wang deposit sebanyak tiga (3) bulan sewa bulanan secara keseluruhan dan bayaran sewaan bagi tiga (3) bulan pertama secara keseluruhan. Sewa bulanan perlu dibayar setiap tiga (3) bulan bagi setiap sukuan tahun.**
20. Penyewa yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran J dan K**.
21. **TANGGUNGJAWAB PENYEWA MENENTUKAN BAHAWA:**
  - 21.1 Semua pekerja-pekerja mestilah:
    - (i) Warganegara Malaysia;
    - (ii) Lengkap berpakaian seragam dan mempunyai tanda nama;
    - (iii) Bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab; dan
    - (iv) Bebas dari rekod jenayah.
  - 21.2 Penyewa dikehendaki menyerahkan butiran lengkap peribadi pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan rekod.
  - 21.3 Semua kerosakan kepada harta Kerajaan Negeri yang berlaku atas kecuaiannya Penyewa akan dibiayai oleh Penyewa.
  - 21.4 Kerajaan Negeri berhak mengeluarkan arahan kepada Penyewa untuk memberhenti mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang menyebabkan terjejasnya imej Kerajaan Negeri.